

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 1997/98

Februari 1998

AFU465 - KEWANGAN ANTARABANGSA

Masa : [ 3 jam ]

---

**ARAHAN**

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **EMPAT (4)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **EMPAT (4)** soalan. Soalan 1 adalah **WAJIB** dan jawab **TIGA (3)** soalan lain.

**Soalan 1 - WAJIB**

Nilai Ringgit Malaysia (MYR) telah susut dari MYR2.50/USD pada Jun 1997 ke MYR4.50/USD pada awal Januari 1998.

- (a) (i) Hitungkan peratus kesusutan nilai MYR berbanding USD?  
(ii) Hitungkan peratus kenaikan nilai USD berbanding MYR?

[ 5 markah ]

- (b) (i) Berasas pada teori-teori penentuan kadar pertukaran asing, apakah faktor-faktor utama yang mungkin menyebabkan kesusutan nilai Ringgit Malaysia?  
(ii) Apakah langkah-langkah yang seharusnya diambil pada tahun lalu dan sebelum itu untuk mengelakkan ataupun mengurangkan kesusutan nilai MYR ini?

[ 18 markah ]

- (c) Andaikan bahawa anda telah dilantik sebagai pembantu khas kepada Menteri Kewangan Malaysia. Memandangkan pengalaman masa kini, Menteri Kewangan ingin tahu sama ada Malaysia seharusnya mengikut sistem kadar pertukaran fleksibel ataupun sistem kadar pertukaran tetap. Sediakan satu memorandum yang membincangkan kelebihan dan kekurangan mengamalkan sistem kadar pertukaran fleksibel bagi Malaysia.

[ 10 markah ]

...2/-

AFU465

- (d) Sehingga November 1997 sahaja, nilai MYR telah susut sebanyak 30% berbanding USD. Oleh yang demikian, beberapa ahli politik berpendapat bahawa rakyat Malaysia telah menjadi 30% lebih miskin berbanding masa dahulu. Adakah anda setuju dengan pendapat ini? Mengapa atau mengapa tidak?

[7 markah]

Jawab **TIGA (3)** soalan sahaja.

Soalan 2

- (a) Katakan Malaysian Airline System Bhd (MAS) telah membeli pesawat jet Boeing berjumlah USD400 juta pada tahun 1997 dan pembelian ini dibiayai oleh U.S. Eximbank di Amerika Syarikat dengan tempoh pinjaman terhadap kepada lima tahun di mana MAS hanya perlu mula membayar balik pinjaman tersebut dari 1998 sahaja. Apakah kesan bersih pembelian ini ke atas akaun semasa, akaun modal dan imbalan pembayaran secara keseluruhannya bagi Malaysia pada tahun 1997 dan 1998?

[8 markah]

- (b) Bincangkan secara ringkas perbezaan di antara kontrak hadapan (forward contract), niagaan ke depan mata wang (currency futures) dan opsi mata wang (currency options).

[7 markah]

- (c) Senaraikan faktor-faktor yang menentukan nilai sesuatu kontrak opsi matawang asing.

[5 markah]

Soalan 3

- (a) Jika kemudahubahan (volatility) sesuatu matawang bertambah, apa akan terjadi kepada perbezaan antara harga bida dan harga minta (bid-ask spread)? Mengapa?

[5 markah]

...3/-

- (b) Pada akhir bulan Disember 1990, bil perbendaharaan 1-tahun Jerman menghasilkan 9.1% manakala bil perbendaharaan 1-tahun Amerika Syarikat pula memberi hasil sebanyak 6.9%. Pada masa yang sama, kadar inflasi sepanjang tahun 1990 di Amerika Syarikat adalah 6.3% iaitu dua kali ganda kadar inflasi Jerman yang bernilai 3.1%.
- (i) Adakah kadar inflasi dan kadar bunga ini konsisten dengan kesan Fisher antarabangsa?
- (ii) Apakah faktor-faktor yang dapat menerangkan perbezaan yang wujud di antara kadar bunga Amerika Syarikat dan Jerman?

[7 markah]

- (c) Cik Wong, seorang peniaga arbitraj di Hong Kong & Shanghai Banking Corporation, menghadapi sebut harga berikut bila tiba di tempat kerja pada satu pagi Selasa:

Kadar pertukaran serta-merta =	¥135/\$
Kadar pertukaran hadapan 180-hari =	¥134.5/\$
Kadar bunga Eurodolar 6-bulan (tahunan) =	8%
Kadar bunga Euroyen 6-bulan (tahunan) =	5%

Berasaskan kepada sebut harga di atas, dan dengan mengandaikan bahawa beliau mempunyai satu kemudahan kredit (pada kadar bunga yang diberi) untuk meminjam sama ada ¥135 juta ataupun \$1 juta dan tiada kos transaksi yang akan dikenakan, adakah peluang keuntungan bagi Cik Wong? Jika ya, berapakah untung yang akan diperolehi oleh beliau?

[8 markah]

#### Soalan 4

Pada 1 Januari 1997, Syarikat Triple Towers Sdn Bhd telah meminjam sebanyak USD500 juta dari Citibank untuk membiayai separuh daripada kos perbelanjaan membina bangunan kompleks membeli-belah tertinggi di Malaysia. Kompleks ini akan dibina di Glugor, Pulau Pinang. Faedah pada kadar tetap sebanyak 6.0%

...4/-

AFU465

setahun akan dibayar setiap enam bulan sekali; pokok akan dibayar selepas 10 tahun. Kadar pertukaran asing bagi USD dan kadar bungah bagi pinjaman dalam MYR yang sama risiko adalah seperti berikut:

<u>Tarikh</u>	<u>Kadar Pertukaran Asing</u>	<u>Kadar Pinjaman (MYR)</u>
01/01/97	MYR2.5000	8.0%
30/06/97	MYR2.6000	9.0%
31/12/97	MYR4.8000	11.0%

- (a) Senaraikan jenis-jenis risiko kadar pertukaran yang wujud dalam kes ini.  
[3 markah]
- (b) Jika anda ialah ketua akauntan Syarikat Triple Towers, bagaimanakah anda akan merekodkan urusan yang berkaitan dalam penyata kewangan bagi tahun 1997?  
[5 markah]
- (c) Adakah wajar untuk syarikat berkenaan meminjam dalam bentuk dolar Amerika?  
[4 markah]
- (d) Bagaimanakah syarikat berkenaan melindungi separuh atau sepenuhnya daripada risiko kadar pertukaran tersebut?  
[8 markah]

Soalan 5

Tulis nota ringkas daripada lima perkara di bawah:

- (a) Pasaran Eurodollar.  
(b) Kadar tukaran langsung kadar tidak langsung dan kadar silang.  
(c) Premium atau diskaun kadar tukaran hadapan.  
(d) Kontrak swap.  
(e) Keluk J.  
(f) Sistem Standard Emas.  
(g) Penyakit Belanda (Dutch disease).

[20 markah]